

0019

R B882 A A B
TAIB - MAHATHIR

KUCHING, 23 OGOS (BERNAMA) -- KETUA MENTERI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MENJELASKAN BAHAWA TIADA SEBARANG PERSELISIHAN FAHAM ANTARA BELIAU DAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEPerti YANG DILAPORKAN OLEH MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER), BARU-BARU INI.

TAN SRI HAJI ABDUL TAIB BERKATA BELIAU MERUPAKAN SEORANG PENYOKONG KUAT PERDANA MENTERI WALAUPUN PADA KETIKA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGHADAPI SAAT-SAAAT GENTING.

+INI ADALAH SUATU HAKIKAT YANG DIKETAHUI UMUM,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SEBAIK-BAIK SAHAJA TIBA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING HARI INI SETELAH BERCUTI SELAMA LEBIH DUA MINGGU DI LUAR NEGERI.

TAN SRI TAIB BERKATA, SEKIRANYA HAKIKAT ITU TIDAK MENEPATI SYARAT UNTUK BELIAU MENJADI SAHABAT PERDANA MENTERI SEPerti YANG DIDAKWA OLEH FEER, SUDAH TENTULAH PIHAK BERKENAAN (FEER) MEMPUYAI TAFSIRAN YANG TERSENDIRI MENGENAI ERTI PERSAHABATAN.

MAJALAH FEER PADA KELUARAN 27 JULAI LEPAS MELAPORKAN KONONNYA HUBUNGAN ANTARA KETUA MENTERI DAN PERDANA MENTERI TEGANG HASIL DARIPADA BEBERAPA PERISTIWA SEPerti PERLANTIKAN PRESIDEN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) YANG JUGA BEKAS MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK LEO MOGGIE SEBAGAI MENTERI KERJAYA SERTA PENDEDAHAN KOMPLOIT MEMBUNUH TAN SRI TAIB. -- LAG1
1906MST 13 08 89

R B883 AAB
TAIB - MAHATHIR 2 KUCHING

FEER MENDAKWA KONONNYA PEMBEBASAN TUJUH ORANG RAKYAT SARAWAK YANG DITAHAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) SECARA SERENTAK DENGAN PENDEDAHAN ITU SEBAGAI PUNCA KERETAKAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU.

+SEKIRANYA ADA PIHAK YANG HENDAK MELAGA-LAGAKAN SAYA DAN DATUK SERI DR MAHATHIR, SAYA RASA BELIAU (PERDANA MENTERI) BOLEH BERFIKIR SENDIRI, BEGITU JUGA SAYA,+ KATANYA.

+SAYA BOLEH MENGHARGAI ERTI PERSAHABATAN SEPertimana JUGA ORANG LAIN DAN SAYA SUDAH PUN MENJALANKAN TUGAS TERHADAP NEGERI SARAWAK SEPertimana YANG TELAH DIAMANAHKAN KEPADA SAYA,+ TEGASNYA.

BELIAU JUGA BERPUASHATI KERANA SEJAK DUA TAHUN LEPAS, SARAWAK MERUPAKAN SEBUAH NEGERI YANG PALING STABIL SERTA MEMPUYAI RAKYAT YANG JUJUR.

MENGENAI PELANCONGAN YANG KINI DIANGGAP SEBAGAI SALAH SATU SUMBER EKONOMI TERPENTING SARAWAK, TAN SRI TAIB BERKATA KERAJAAN NEGERI MELALUI PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK (PPES) TELAH MERANGKA PEMBINAAN RUMAH PERCUTIAN BERTINGKAT DI SANTUBONG KIRA-KIRA 30 KM DARI SINI.

IA BERTUJUAN MEMBOLEHKAN PESARA TERUTAMA DARI LUAR NEGERI MENGHABISKAN MASA PERSARAAN MEREKA SAMBIL MELANCONG DI NEGERI INI.
-- BERNAMA

1913MST 13 08 89